

## Perbadanan Labuan, JPS tinjau hakisan pantai dan rizab sungai

Oleh Henry Bating

**LABUAN:** Perbadanan Labuan meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengurangkan kejadian banjir kilat dengan memper-

dalam sungai serta mewartakan rizab sungai sebagai kawasan takungan air.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman berkata, pihaknya juga menyokong pelbagai langkah JPS menga-

tasi hakisan pesisiran pantai melalui program pencegahan hakisan dan pemugaran pantai.

“Hakisan pesisir pantai dan risiko banjir kilat perlu ditangani melalui pelbagai usaha yang dijalankan JPS,”

katanya.

Dr Fary berkata demikian ketika mengadakan lawatan tempat-tempat hakisan dan kawasan rancangan perizaban sungai bersama Pengarah JPS Labuan Junaidi Awang Tuah.

Rekod JPS menunjukkan pantai di pulau ini yang memiliki jarak 81.5km mengalami hakisan di pelbagai tempat melibatkan jarak 4.4km.


Antara lokasi pantai-pantai yang terhakis ialah Tg

Kubong, Lubok Temiang, Tg Aru, East of Taman Ensu, Nagalang, Labuan Liberty Port Management, Dekat Kg Sg Keling, Muara Sg Kinabenua, Muara Sg Buton, Tg Kiamsam, Sg Pagar dan Sg Miri.


Manakala rancangan perizaban sungai melibatkan Sg Anggak, Sg Miri, Sg Pagar dan Sg Belukut di mana permohonan perizaban tanah kerajaan diajukan untuk mewujudkan dataran banjir Sg Kinabenua.



**DATARAN:** Dr Fary meninjau rancangan perizaban sungai.



**HAKISAN:** Dr Fary dan Junaidi meninjau lokasi pantai terhakis.



**TEBING:** Dr Fary dan Junaidi meninjau pemugaran tebing pantai.